

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 13, 2019 11:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Menghadap Tuanku Canselor Sembah Maklum Perkembangan Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 MEI 2019 / 08 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR MENGHADAP TUANKU CANSELOR SEMBAH MAKLUM PERKEMBANGAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Alor Setar - Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah di Wisma Darul Aman, semalam.

Majlis menghadap ini bertujuan memohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku Canselor UUM untuk berangkat bercemar duli ke Majlis Berbuka Puasa Peringkat UUM pada 16 Mei ini di pekarangan Masjid Sultan Badlishah.

Selain itu, sesi menghadap itu juga adalah untuk memohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat bercemar duli ke Kejohanan Golf Jemputan di Kelab Golf dan Rekreasi UUM pada Ogos depan.

Naib Canselor juga memohon perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenaan tarikh Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM yang akan berlangsung pada 19 hingga 23 Oktober

depan, seterusnya bercemar duli berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM pada sesi pertama di Dewan Mu'adzam Shah.

Pada sesi menghadap itu juga, Naib Canselor turut menyembah maklum tentang perkembangan universiti seperti penubuhan kampus satelit Teikyo University, Jepun di Pulau Langkawi dan perkembangan Pusat Wakaf dan Endowmen UUM serta kedudukan UUM dalam ranking dunia.

Di samping itu, beliau turut menyembah maklum tentang pencapaian pensyarah UUM menerima Anugerah Pengajaran (Kelompok Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan) di Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2018, kejayaan dua alumni UUM terima pengiktirafan atas ketokohan masing-masing, pelancaran program *Food Bank* dan *On-Campus Jobs*, kejayaan pelajar membangunkan aplikasi mudah alih e-Aduan@Jerlun sebagai menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat, Yayasan UEM membantu sara hidup 62 pelajar UUM terdiri daripada golongan B40 selama dua semester dan kejayaan Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM terima 2019 Best Practice in Leadership pada Majlis Penghargaan Dekan Beta Gamma Sigma di Edinburgh, Scotland.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.